

**KEBERKESANAN PERLAKSANAAN PENSWASTAAN  
TERHADAP SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.**

**ZAIDI BIN ZAKARIA  
(97012261)**

**IJAZAH SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)  
JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**APRIL 1999**

## **ABSTRAK.**

Pengurusan sisa pepejal merupakan satu aspek yang penting yang mana mesti dijalankan demi menjamin kebersihan sesuatu kawasan di samping memberikan tahap kesihatan yang baik kepada penduduk setempat yang terbabit. Pembangunan bagi sesebuah negara itu juga akan dapat berjalan dengan lancar sekiranya pengurusan ke atas sisa pepejal ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan bersistematik.

Sisa pepejal adalah merupakan semua hasil buangan atau sampah yang berpunca daripada aktiviti manusia ataupun haiwan yang sudah tidak digunakan lagi. Pengurusan sisa pepejal terdiri daripada beberapa peringkat iaitu bermula daripada peringkat pengeluaran, storan, pengumpulan dan pemungutan, pengangkutan, proses guna semula dan peringkat proses pelupusan.

Pada masa kini, perbelanjaan bagi pengurusan sisa pepejal ini adalah semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kerajaan telahpun melancarkan pelbagai program berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal supaya ianya akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan juga dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada masyarakat.

Setiap kali ianya dilaksanakan, peruntukan perbelanjaan bagi menguruskan sisa pepejal ini juga semakin bertambah. Terdapat juga beberapa masalah lain yang timbul seperti masalah sumber kewangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak mencukupi untuk menampung penyediaan projek pembangunan infrastruktur dan juga kemudahan awam kepada masyarakat ini.

Menyedari masalah ini, maka sesetengah Majlis Perbandaran seperti Majlis Perbandaran Shah Alam, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan konsep penswastaan ke atas pengurusan sisa pepejal ini secara sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor kecil bagi mengurangkan beban yang terpaksa dipikul oleh Pihak Berkuasa Tempatan ini.

Konsep penswastaan ini sedikit sebanyak telah dapat mengatasi masalah-masalah yang timbul terutamanya di dalam masalah perbelanjaan pengurusan sisa pepejal. Melalui konsep penswastaan ini, Pihak Berkuasa Tempatan hanya perlu mengawal pelaksanaan yang dibuat oleh pihak-pihak swasta yang telah dilantik.

Berikutan daripada itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memperkenalkan satu kaedah baru iaitu konsep penswastaan secara keseluruhan yang telah diserahkan kepada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. berkuat kuasa pada 1 Januari 1997 untuk mengendalikan sistem pengurusan sisa pepejal ini secara keseluruhannya ke atas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Adakah kaedah yang diperkenalkan ini akan dapat memperbaiki lagi tahap keberkesanan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk selama ini ataupun sebaliknya ?

## SENARAI ISI KANDUNGAN.

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	JUDUL	i
	DEDIKASI	ii - iv
	PENGHARGAAN	v
	PENGESAHAN	vi - vii
	ABSTRAK	viii - xiii
	ISI KANDUNGAN	xiv - xviii
	SENARAI RAJAH	xix - xxiii
	SENARAI JADUAL	xxiv - xxv
	SENARAI GAMBARAJAH	xxvi - xxvii
	SENARAI GAMBARFOTO	xxviii
	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xxix
	SENARAI LAMPIRAN	

### **BAB 1**    **PENDAHULUAN**

1.1	PENGENALAN	1
1.2	KENYATAAN MASALAH / ISU	2 - 4
1.3	MATLAMAT KAJIAN	4
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	SKOP KAJIAN	6
1.6	METHODOLOGI KAJIAN	7 - 12
1.7	PENYUSUNAN BAB	12 - 17

**BAB 2**     **KAJIAN TEORITIKAL**

2.1	PENGENALAN	18
2.2	DEFINISI SISA PEPEJAL	19
2.3	DEFINISI PENGURUSAN SISA PEPEJAL	20 - 22
2.4	FAKTOR-FAKTOR DI DALAM PENGURUSAN SISA PEPEJAL	23 - 65
2.5	UNDANG-UNDANG	66
2.5.1	Undang-Undang Kecil Yang Dikuatkuasakan.	67 - 68
2.5.2	Perlaksanaan Tindakan Penguatkuasaan.	68 - 70
2.6	RUMUSAN.	71

**BAB 3**     **TEORI DAN PRAKTIS PENSWASTAAN**

3.1	PENGENALAN	72 - 75
3.2	DEFINISI PENSWASTAAN	76 - 78
3.3	TEKANAN-TEKANAN YANG MEMPENGARUHI PENSWASTAAN	78 -83
3.4	KONSEP PENSWASTAAN	84 - 86
3.4.1	Objektif Penswastaan.	87
3.4.2	Bentuk Penswastaan.	88 - 92
3.4.3	Kepentingan Penswastaan.	93 - 96
3.5	RUMUSAN	97